

Penuntut UTHM sertai program anak angkat

Batu Pahat: Seramai 27 penuntut Kursus Khidmat Masyarakat Pusat Kokurikulum Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) menjayakan program bakti siswa dan anak angkat di Kampung Separap, di sini, baru-baru ini.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah perkongsian teknologi akuaponik kepada penduduk dan pelajar, selain penyerahan anak angkat kepada keluarga.

Ketua program Mifzal Nazhan Mazlan berkata, program bertema 'Semanian Budi, Kasih Dituai' selama dua hari itu adalah subjek wajib berkredit bagi penuntut UTHM selain meningkatkan kemahiran kendiri dan komunikasi dengan masyarakat.

"Kami lebih tertumpu mengadakan program di kawasan kampung berdekatan kampus UTHM kerana lebih mudah sekali gus hubungan antara penuntut dan keluarga angkat terus terjalin."

"Kebanyakan penuntut UTHM berasal dari

luar Johor dan mereka menjalani pengajian antara tiga atau empat tahun, di sini. Jadi apa salahnya jika mereka mempunyai hubungan erat dengan penduduk setempat," katanya pada majlis penutup program berkenaan, di sini.

Hadir sama, Ahli Palimen Parit Sulong Datuk Dr Noraini Ahmad, Ketua Kampung Separap Zainuddin Abd Samad dan Guru Besar Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Separap Nohiza Mohd Noor.

Sementara itu, seorang peserta Muhammad Fawwaz Che Lah, 23, berkata dia teruja menyertai program anak angkat itu kerana bukan semua penuntut berpeluang merasai kehidupan dengan masyarakat setempat.

"Saya turut gembira apabila ditugaskan untuk berkongsi dengan penduduk kampung mengenai teknologi akuaponik kerana sedikit sebanyak dapat membantu menjana pendapatan atau kegunaan mereka," katanya.



PESERTA program bergambar kenangan.